

1. Almin berasa _____ ketika berada dalam majlis yang penuh dengan adat istiadat _____ di situ.

- ☐ A janggal
- ☐ B gerun
- ☐ C sedih
- ☐ D pelik

2. Ibu saya masih berada di wad Hospital Lumut kerana beliau belum _____ sepenuhnya.

- ☐ A baik
- ☐ B segar
- ☐ C waras
- ☐ D sembuh

3. Ahmad berasa _____ apabila diberitahu bahawa datuknya baru sahaja meninggal dunia sebentar tadi.

- ☐ A bimbang
- ☐ B dukacita
- ☐ C kecewa
- ☐ D gelisah

4. Lim Chye Ha tidak dapat menghabiskan buah mangga itu kerana rasanya terlalu _____.

- ☐ A masam
- ☐ B masin
- ☐ C tawar
- ☐ D pahit

5. Emak melarang kami pergi ke kawasan itu kerana di situ banyak anjing _____.

- ☐ A bengis
- ☐ B kejam
- ☐ C baik
- ☐ D liar

6. Bunyi petikan gitar itu kurang merdu kerana talinya telah _____.

- ☐ A tegang
- ☐ B senget
- ☐ C kendur
- ☐ D bengkok

7. Para penyokong pasukan bola jaring itu berasa _____ kerana peluang pasukan mereka untuk memenangi perlawanan itu semakin _____.

- ☐ A risau ... getir
- ☐ B cemas ... tipis
- ☐ C gentar ... runcing
- ☐ D bimbang ... lewat

8. Biskut di dalam tin itu sudah _____ kerana penutup tinnya tidak ditutup rapat.

- ☐ A basi
- ☐ B keras
- ☐ C lemau
- ☐ D lembik



9. Kami berasa sangat _____ kerana Cikgu Sarimah yang baik hati itu akan ditukarkan ke sekolah lain.

- ☐ A pahit
- ☐ B sedih
- ☐ C marah
- ☐ D gembira

10. Wahid berlari _____ dan semakin _____ ke garisan penamat.

- ☐ A laju ... nyaris
- ☐ B deras ... rapat
- ☐ C pantas ... hampir
- ☐ D kencang ... akrab

11. Sudah _____ Iqbal menunggu kakaknya di perhentian bas namun kakaknya tidak muncul-muncul juga.

- ☐ A lambat
- ☐ B lewat
- ☐ C lama
- ☐ D jauh

12. Ibu membersihkan tandas itu kerana tidak tahan dengan bau _____ tandas tersebut.

- ☐ A hapak
- ☐ B tengik
- ☐ C hanyir
- ☐ D hancing

13. Menara Berkembar Petronas merupakan bangunan yang paling _____ di Malaysia.

- ☐ A kecil
- ☐ B lurus
- ☐ C tinggi
- ☐ D rendah

14. Umar menasihati rakan-rakannya supaya tidak berbuat _____ agar tidak mengganggu jiran tetangga.

- ☐ A lunak
- ☐ B bisling
- ☐ C merdu
- ☐ D menarik

15. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pembaca berita itu bukan sahaja _____ malah pintar orangnya.

- ☐ A elok
- ☐ B indah
- ☐ C kacak
- ☐ D bagus

16. Datuk Mazlan bersikap _____ terhadap kesemua anaknya dengan tidak membeza-bezakan mereka.

- ☐ A adil
- ☐ B baik
- ☐ C hemat
- ☐ D cermat

17. Pesilat itu sungguh _____ bermain senjata sehingga memukau para hadirin.

- ☐ A gagah
- ☐ B megah
- ☐ C rancak
- ☐ D tangkas

18. Ayah Nabeel menghantarnya ke kelas tuisyen bahasa Melayu kerana dia amat _____ dalam mata pelajaran tersebut.

- ☐ A lemah
- ☐ B lemau
- ☐ C lembik
- ☐ D lembut

19. Encik Leong berasa _____ apabila menerima berita tentang kejayaan anaknya dalam peperiksaan akhir tahun.

- ☐ A jujur
- ☐ B rindu
- ☐ C bahagia
- ☐ D gembira

20. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Peserta pertandingan silat itu _____ mengelak semua serangan lawan yang bertubi-tubi menyerangnya.

- ☐ A ligat
- ☐ B lasak
- ☐ C tangkas
- ☐ D kencang